

Memoir Di Pustaka Ilmu: Catatan Kehidupan Siti Adnon Haji Abdul Wahid Sepanjang Bergelar Pustakawan Merangkap Alumni FPM

Erniezah Igbor Abdullah
Dg. Nurul Izzathy Binti Haris
Mohd. Nazir Bin Ahmad
Marlia Idrus

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan sejarah lisan untuk menjelaki kisah hidup Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), UiTM atau dahulunya dikenali sebagai Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat (KSPM). Tokoh yang terpilih bagi menjayakan kajian ini ialah Siti Adnon Haji Abdul Wahid, iaitu mahasiswi KSPM pada sekitar tahun 1983 hingga 1986. Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif di mana temubual secara atas talian telah dijalankan melalui aplikasi persidangan video atas talian iaitu Google Meet. Kajian ini turut mengupas pengalaman dan sumbangan Siti Adnon semasa beliau bergelar mahasiswi di KSPM dan seterusnya sebagai alumni. Selain itu, pengkaji akan menyingkap pengalaman beliau menjadi pustakawan selama 27 tahun di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Beliau seorang yang begitu aktif dalam memberikan kesedaran terhadap masyarakat tentang peranan pustakawan sebagai fasilitator untuk pendidikan tidak formal. Beliau juga terlibat dengan penulisan biografi mengenai Tokoh-Tokoh Ulama Negeri Sembilan. Melalui kajian ini, terbuktilah bahawa FPM bukan sahaja berjaya melahirkan pustakawan yang profesional, malah turut melahirkan seorang pemimpin masyarakat yang serba boleh.

Kata kunci: Siti Adnon Haji Abdul Wahid, PPANS, KSPM, Pustakawan, Perpustakaan.

Abstract

This study used an oral history approach to uncover the story of the early graduates of the Faculty of Information Management (FIM), formerly known as Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat (KSPM) of Universiti Teknologi MARA (UiTM). The subject of this particular study is Siti Adnon Haji Abdul Wahid, a graduate of KSPM in the year 1983 till 1986. The method used in the study is a qualitative method where an online interview session was conducted through a video conferencing application, Google Meet. The study uncovers Siti Adnon experiences and contributions as a student and later alumni of KSPM. Furthermore the study also exhibits Siti Adnon's 27 years of experience as a librarian in Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS). The study also reveals her contribution in the field of librarianship especially in her state, Negeri Sembilan. She was actively involved in creating awareness about the role of librarian as the facilitator of informal education. Her other contribution is in the field of writing where she has written a biography of Tokoh-Tokoh Ulama Negeri Sembilan. The study is an eye opening and humbling experience to the researchers who discovered that the Faculty of Information Management did not only produce professional librarians, but also talented community leaders.

Keywords: Siti Adnon Haji Abdul Wahid, PPANS, KSPM, Librarian, Library.

PENGENALAN

Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) telah ditubuhkan pada tahun 1968 dan dikenali sebagai Kajian Sains Perpustakaan. Kajian ini mempersiapkan pelajar untuk Associate of the Library Associations, UK (ALA-UK), iaitu kursus luaran dari United Kingdom dan dikendalikan oleh Jabatan Sains Perpustakaan, Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang, Institut Teknologi MARA (ITM). 3 Julai 1972, merupakan tarikh keramat di mana Kajian Sains Perpustakaan ditubuhkan secara rasmi dengan menawarkan kursus dalaman yang pertama iaitu Kursus Diploma Sains Perpustakaan. Pada tahun 1974, Diploma Sains Perpustakaan, ITM, telah diiktiraf dan sijil itu setaraf Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada universiti dan tahun 1979, nama kajian ini telah diubah kepada Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat (KSPM), yang

terletak di ITM Jalan Othman, Petaling Jaya. Namun begitu, pada tahun 1997, nama kajian telah ditukar kepada Fakulti Pengajian Maklumat kerana pengurusan rekod dan arkib yang telah diserap masuk ke dalam kajian itu merupakan antara sumber maklumat yang perlu diurus juga. Sekali lagi, pada tahun 2005, nama fakulti telah diubah menjadi Fakulti Pengurusan Maklumat sehingga kini dan diguna pakai juga di kampus cawangan.

Kini, usia FPM telah menjangkau 52 tahun dan menjadi salah satu penyumbang terbesar terhadap perkembangan dan kejayaan bidang sains perpustakaan dan maklumat di Malaysia. Dengan wujudnya fakulti ini, maka lahirlah profesional-profesional maklumat yang berwibawa dan berkebolehan tinggi dan antara individu yang tersohor dan tidak asing lagi dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat ialah Profesor Dato" Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob, iaitu Mantan Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat, Tahun 1995-2001.

Oleh itu, melalui kajian sejarah lisan ini, pengkaji memutuskan untuk menemubual salah seorang Alumni FPM juga iaitu Siti Adnon Haji Abdul Wahid. Anak jati kelahiran Negeri Sembilan Darul Khusus ini pernah menabur bakti di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), sebagai pustakawan selama 27 tahun dan kini beliau telah bersara dan berhijrah ke Temerloh, Pahang kerana mengikuti suaminya. Justeru, kajian ini akan merungkai dengan lebih mendalam lagi mengenai kehidupannya dari kecil, pengalamannya semasa menuntut di KSPM yang penuh nostalgia dan bagaimana KSPM ini telah membentuk beliau menjadi profesional maklumat yang berkualiti dan berwibawa sejurus menamatkan pengajiannya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kewujudan Fakulti Pengurusan Maklumat dan sumbangannya terhadap kelahiran profesional-profesional maklumat yang jarang sekali disebut dalam kalangan masyarakat, apatah lagi kajian-kajian berbentuk ilmiah yang mengetengahkan hal ini. Melalui kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati kebanyakkan kajian yang dibuat ke atas alumni adalah memfokuskan tentang sumbangan alumni kepada universiti dan masyarakat setempat tetapi tiada kajian biografi yang dijalankan terhadap alumni tersebut. berdasarkan artikel yang ditulis oleh (Muhammad, Mohd Hussin, Abdul Razak and Abdul Hadi, 2014). Artikel itu membincangkan impak kitaran sosial dalam sumbangan

alumni terhadap pendapatan endowmen universiti. Kebanyakkan kajian mengenai alumni adalah memfokuskan alumni secara keseluruhan yang mana dapat dilihat di keratan akhbar dan juga media sosial.

Selain itu, terdapat kajian lain yang memfokuskan kepada pengurusan dan penamaan sistem pengurusan alumni berbanding sumbangan fakulti dalam melahirkan alumni-alumni yang telah berjaya di luar sana. Kajian itu membahaskan tentang program-program yang berimpak tinggi agar komuniti di luar kampus dapat melihat sumbangan alumni melalui aktiviti yang dijalankan. Ini dapat dilihat melalui pengkongisan maklumat yang diadakan di Universiti Putra Malaysia antara Alumni UiTM bersama Alumni UPM.

Di samping itu, dokumentasi berkenaan kejayaan tokoh-tokoh ternama yang lahir daripada FPM khususnya sangat sedikit jumlahnya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pencarian pengkaji di laman web Institusi Repositori Perpustakaan milik UiTM. Pengkaji hanya menemukan penulisan artikel mengenai 2 orang bekas pensyarah FPM merangkap Alumni FPM. Penulisan itu mengetengahkan tentang latar belakang tokoh-tokoh tersebut, kejayaan dan harapan mereka terhadap FPM di masa akan datang. Ekoran daripada masalah-masalah tersebut, pengkaji memutuskan untuk menjalankan kajian mengenai kisah hidup Siti Adnon Haji Abdul Wahid. Kajian ini akan memfokuskan tentang pengalaman dan sumbangan beliau sebagai Alumni FPM terhadap bidang sains perpustakaan dan maklumat.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian ini dijalankan di mana ia boleh membantu para pengkaji untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Siti Adnon sebagai Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dan mantan pustakawan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

- a) Untuk membuat dokumentasi tentang pengalaman Siti Adnon semasa bergelar mahasiswa di Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat sehingga beliau bersara dari bidang sains perpustakaan dan maklumat.
- b) Untuk mengenal pasti sumbangan Siti Adnon terhadap bidang kepustakawanan, masyarakat dan bidang penulisan biografi.

- c) Untuk mengenal pasti sumbangan Fakulti Pengurusan Maklumat dalam melahirkan profesional maklumat yang berkebolehan seperti Siti Adnon.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian di bawah ialah berkaitan dengan pernyataan masalah kajian iaitu kajian dijalankan untuk alumni sangat sedikit jumlahnya khususnya untuk Fakulti Pengurusan Maklumat dari awal penubuhannya. Berikut adalah persoalan kajian yang telah di rangka:

- a) Apakah pengalaman Siti Adnon semasa bergelar mahasiswi di Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat sehinggalah beliau bersara dari bidang Pengurusan Maklumat?
- b) Apakah sumbangan Siti Adnon terhadap bidang kepustakawanan, masyarakat dan bidang penulisan biografi semasa menjadi pustakawan?
- c) Bagaimanakah Fakulti Pengurusan Maklumat menyumbang dalam melahirkan profesional maklumat yang serba boleh seperti Siti Adnon?

Melalui persoalan-persoalan yang telah di utarakan di atas, maka terbinalah objektif utama kajian ini dijalankan terhadap Siti Adnon Haji Abdul Wahid.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Fakulti Pengurusan Maklumat merupakan payung besar yang merangkumi pengurusan perpustakaan, pengurusan rekod dan arkib, dan pengurusan sistem maklumat. FPM telah melahirkan ramai profesional maklumat yang hebat-hebat belaka. Rentetan itu, kajian ini akan merungkai beberapa kepentingan dan sumbangan kajian yang diperolehi oleh pengkaji dan antaranya ialah:

Melalui pengalaman Siti Adnon sebagai mahasiswa KSPM dan mantan pustakawan yang pernah berkhidmat selama 27 tahun di PPANS, profesional maklumat yang terdiri daripada generasi-generasi muda serta pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat dapat mengambil segala pengalaman beliau dalam bidang kepustakawanan dan pengurusan maklumat sebagai persediaan buat mereka sama ada dalam melangkah ke alam pekerjaan atau semasa masih menjadi mahasiswi dan mahasiswa di universiti. Hal ini demikian kerana beliau

menyatakan semasa bergelar mahasiswa sehingga menjadi pustakawan, beliau sangat aktif mengikuti program-program khidmat masyarakat, dan perkara ini boleh dijadikan contoh buat generasi-generasi muda.

Di samping menjadi pustakawan, beliau juga mempunyai bakat dalam bidang penulisan dan telah menulis beberapa buah buku biografi berkaitan Tokoh-Tokoh Ulama Negeri Sembilan. Hal ini membuktikan bahawa pustakawan bukan hanya mempunyai kemahiran mengkatalog buku atau menjaga buku sahaja, malah pustakawan juga boleh memberikan sumbangan terhadap bidang penulisan tidak kira penulisan berbentuk hiburan atau ilmiah.

Dalam pada itu, kajian ini juga dapat membuka mata masyarakat tentang kewujudan Fakulti Pengurusan Maklumat dan sumbangannya dalam melahirkan profesional maklumat seperti pustakawan di mana peranan yang dipegang amat penting dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan berdikari. Hal ini berlaku kerana apabila pengguna datang ke perpustakaan, mereka akan dibimbing oleh pustakawan untuk mencari maklumat buat pertama kali dan setelah itu, mereka akan menjadi pencari maklumat yang mahir tanpa bantuan pustakawan lagi.

Melalui kajian ini juga, persepsi mengenai „perpustakaan adalah tempat yang membosankan“ dapat dicantas dek kerana perpustakaan moden pada masa kini tidak hanya tertumpu kepada bacaan buku semata-mata, malahan organisasi ini turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk menarik pengunjung bertandang ke perpustakaan seperti aktiviti beramah mesra bersama penyampai radio atau aktiviti lakonan kanak-kanak dan banyak lagi, menurut Siti Adnon.

Pada waktu yang sama, Siti Adnon menyatakan bahawa pengunjung perpustakaan semakin berkurang saban tahun kerana arus penggunaan teknologi canggih yang kian berleluasa. Pengunjung kini hanya mengunjungi perpustakaan melalui alam maya sahaja kerana hamper kesemua benda pada masa kini berada di hujung jari. Jika hal ini berterusan, apakah fungsi kewujudan perpustakaan secara fizikal dan bahan fizikal yang terdapat di dalamnya lama-kelamaan akan menjadi gajah putih perpustakaan. Oleh itu, hal ini akan membuka mata pengurusan perpustakaan untuk merangka aktiviti yang lebih menarik dan „membawa keluar“ perpustakaan kepada masyarakat,

bukan menunggu kedatangan mereka sahaja. Hal ini bukan hanya boleh diaplikasikan oleh perpustakaan sahaja tetapi agensi awam dan swasta juga boleh melakukan hal yang sama untuk menyedarkan masyarakat tentang kewujudan dan kepentingan mereka.

Diharapkan dengan adanya kajian ini, masyarakat akan menyedari tentang kepentingan bidang pengurusan maklumat dan peranan profesional maklumat dalam memelihara segala khazanah penting serta sebagai pemudah cara dalam proses pencarian maklumat sama ada di peringkat organisasi atau secara individu.

KAJIAN LITERATUR

UiTM atau lebih nama awal penubuhannya ialah Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967. ITM merupakan hasil buah fikiran para pemimpin Malaysia yang penuh visi dan misi terutamanya dalam membangunkan taraf sosioekonomi kaum bumiputera di negara ini. Allahyarham Tun Abdul Razak telah meletakkan batu asas pembinaan kampus di atas tanah yang berukuran 300 ekar luasnya di Shah Alam pada 14 Oktober 1967. Ia merupakan visi para pemimpin untuk menjadikan ITM sebagai pemangkin bagi menjana kesemua sumber yang ada dan melahirkan serta melipatgandakan jumlah graduan bumiputera yang terlatih dan berkelayakan, bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi malah di dalam bidang-bidang lain juga (Persatuan Alumni UiTM Malaysia, 2016).

Melalui kajian literatur yang dianalisis oleh pengkaji, secara umumnya kajian mengenai alumni yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini ialah hanya membincangkan sumbangan para alumni secara umum sahaja iaitu sumbangan-sumbangan alumni terhadap universiti mereka sendiri melalui kajian yang dibuat oleh Muhammad, Mohd Hussin, Abdul Razak dan Abdul Hadi (2014). Di dalam kajian itu, perkara yang dibincangkan adalah mengenai impak kitaran sosial dalam sumbangan alumni terhadap pendapatan endowmen universiti tanpa mengira peringkat umur. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa golongan yang lebih muda dan bekerja adalah golongan yang paling ramai dan digalakkan untuk menyumbang lebih banyak terhadap universiti sebagai alumni.

Berdasarkan satu lagi laporan daripada Persatuan Perhubungan Alumni yang dianggotai oleh UiTM dan UPM, perjumpaan telah diadakan di UPM untuk membincangkan tentang rancangan untuk meningkatkan sistem pengurusan alumni. Laporan itu menyatakan bahawa perlunya program-program yang berimpak tinggi agar komuniti di luar kampus dapat melihat sumbangan dan penglibatan secara umum alumni, seperti yang dibahaskan oleh pengkaji di awal ulasan. Selain itu, melalui carian maklumat, pengkaji mendapati kurangnya kajian yang dibuat melibatkan sumbangan dan penglibatan khusus mengenai seseorang alumni dalam bidang yang mereka ceburi.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Andayani (2017) memfokuskan tentang sumbangan tokoh di dalam dunia perpustakaan yang melibatkan kemajuan bidang dalam ilmu pustakawan, termasuk idea-idea dan konsep untuk memberikan aspirasi kepada dunia perpustakaan. Melalui kajian ini pengkaji mendapati bahawa tokoh-tokoh dalam bidang kepustakawan memainkan peranan penting dalam pengurusan perpustakaan. Namun tokoh yang dimaksudkan, penglihatannya dan sumbangannya tidak dijelaskan secara terperinci. Maklumat yang diberikan berkenaan tokoh tersebut juga hanya sedikit iaitu latar belakang dan penglibatan secara umum terhadap bidang kepustakawan. Sungguhpun begitu, melalui kajian ini pengkaji dapat melihat bahawa tokoh perpustakaan banyak membantu dalam menaik taraf perkhidmatan kepada pelanggan.

Seterusnya, kajian oleh Lee Yong Phoon (2017) adalah kajian mengenai niat tingkah laku penderma alumni Universiti Utara Malaysia (UUM). Antara perkara yang dikaji ialah hubungan antara sikap terhadap tingkah laku penderma, tekanan rakan sebaya, personaliti jenama university dengan kewarakan terhadap niat tingkah laku penderma alumni UUM. Pengkaji mendapati kajian menunjukkan bahawa sikap tingkah laku penderma, tekanan rakan sebaya, keperibadian jenama universiti dan keagamaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan niat tingkah laku penderma. Kajian ini berguna bagi pihak pengurusan universiti untuk merancang strategi mengikut tingkah laku alumni yang dapat membantu meningkatkan peratusan sumbangan. Dana yang diperolehi akan membolehkan universiti mengekalkan reputasi dan kualitinya. Manakala, kajian akan datang harus merangkumi alumni dari semua universiti awam di Malaysia.

Setelah itu, menerusi sedutan berita daripada Persatuan Pustakawan Malaysia, turut dikongsikan sedikit latar belakang, Dr. Nor Edzan Che Nasir sebagai seorang Ketua Pustakawan di Universiti Malaya (UM) dan juga merupakan salah satu Ahli Pengurusan Tertinggi UM yang banyak terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuklah program-program universiti dan lain-lain platform. Dr. Nor Edzan binti Che Nasir telah dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Pustakawan 2017. Melalui sedutan berita tersebut, turut dikongsikan serba sedikit penglibatan beliau dan hasil penerbitan beliau semasa bertugas. Suntingan berita yang dikongsi oleh Kumpulan Editor Berita PPM sedikit sebanyak memberi inspirasi untuk semua pustakawan. Melalui artikel ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa jasa dan bakti pustakawan itu akan dihargai dan tidak akan dilupakan.

Di samping itu, Muhamad Fahmi Shamsi & Nurul Syuhaida Azmi (2011) telah menulis tentang kisah hidup Profesor Dato" Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob, iaitu individu yang bertanggungjawab dalam kejayaan dan kegemilangan FPM sehingga fakulti ini dikenali di peringkat antarabangsa. Beliau telah mengambil Kursus Sains Perpustakaan iaitu Associate of the Library Associations, UK (ALA-UK) pada tahun 1970 dan merupakan antara pelajar terawal FPM suatu ketika dahulu. Jasa dan baktinya sebagai alumni dan pensyarah FPM terlalu besar. Lebih-lebih lagi semasa beliau menjawat jawatan sebagai Dekan FPM pada tahun 1995 hingga 2001, di mana jumlah pelajar dan pensyarah FPM juga semakin meningkat setiap semester termasuk pembukaan fakulti di beberapa kampus cawangan UiTM. Di akhir penulisan itu, terselit harapan beliau untuk pelajar dan FPM sendiri agar sentiasa fokus untuk mencapai kejayaan di masa akan datang. Melalui penulisan ini, ia dapat menimbulkan rasa bangga terhadap segala penat lelah beliau dalam menaikkan nama fakulti hingga ke persada antarabangsa.

Dalam pada masa yang sama, terdapat satu penulisan biografi oleh Aida Hafizza Sabtu dan Nurul Nabilah Ibrahim (2011) yang menulis tentang latar belakang seorang bekas pensyarah FPM merangkap Alumni FPM yang pernah menerima Anugerah Pelajar Terbaik Sains Perpustakaan pada tahun 1979 iaitu Profesor Madya Fuziah Md Nadzar. Penulisan itu mengetengahkan tentang kisah perjalanan hidup beliau dan bagaimana minat terhadap sains dan perpustakaan mula timbul dalam diri beliau sehingga beliau sanggup

menolak tawaran untuk memasuki maktab perguruan. Tidak dilupakan juga, penulisan itu turut membahaskan tentang sumbangan fakulti terhadap kejayaan beliau, sumbangan beliau terhadap fakulti sebagai pensyarah dan juga mantan Dekan FPM serta harapan beliau terhadap bidang sains perpustakaan dan maklumat di masa akan datang. Semangat dan kegigihan beliau dalam mengejar impian yang dicita-citakan wajar dijadikan sebagai contoh untuk generasi kini.

Berdasarkan semua kajian lepas yang telah diteliti, pengkaji mendapati bahawa penulisan berbentuk ilmiah yang mengkaji peranan dan sumbangan tokoh-tokoh alumni khususnya Alumni FPM sangat sedikit jumlahnya. Begitu juga dengan Siti Adnon Haji Abdul Wahid, di mana sepanjang beliau berkhidmat selama 27 tahun sebagai seorang pustakawan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), tidak ada kajian berbentuk ilmiah dijalankan terhadap pengalaman dan sumbangannya dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat. Rentetan daripada hal itu, pengkaji memutuskan untuk membuat kajian biografi terhadap Siti Adnon Haji Abdul Wahid mengenai perjalanan hidupnya semasa beliau masih kecil, sebagai mahasiswi KSPM sehingga beliau bersara daripada bidang sains perpustakaan dan maklumat.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perkara penting dalam melakukan pengkajian supaya pengkaji mengetahui sama ada kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian itu sesuai dan memberi impak dalam menjawab segala permasalahan kajian (NS Ismail Zawawi, 2015). Sejarah lisan merupakan satu proses yang melibatkan orang yang menceritakan peristiwa dengan pengumpul maklumat yang menceritakan peristiwa yang lepas dan dirujuk daripada ingatan seseorang, kertas surat, diari, gambar dan sebagainya. Fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri yang dapat menjelaskan peristiwa masa lampau yang telah berlaku. Sejarah lisan juga adalah terdiri daripada berbagai-bagai jenis sastera rakyat seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya (Rozeman Abu Hassan, 2004). Hubungan sejarah dan ilmu serta sejarah lisan boleh dilihat dari segi pemahaman tentang ilmu dan sejarah.

Untuk proses pencarian tokoh, pengkaji telah melakukan pencarian mengenai Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat untuk tahun 1968-1990 yang telah bersara melalui akaun media sosial Facebook Sembang Pustakawan. Tidak ketinggalan juga pengkaji turut meminta bantuan daripada para pensyarah FPM jika mereka mempunyai kenalan yang memenuhi kriteria tersebut. Proses pencarian tokoh untuk di temubual berakhir apabila pengkaji berjaya menghubungi seorang tokoh yang juga merupakan kenalan kepada salah seorang pensyarah FPM.

Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian biografi terhadap salah seorang Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat yang pernah bergelar sebagai mahasiswi semasa fakulti ini masih dikenali sebagai KSPM dan beliau juga seorang mantan pustakawan di PPANS, iaitu Siti Adnon Haji Abdul Wahid. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian biografi terhadap beliau kerana perasaan ingin tahu mengenai riwayat hidup alumni ini membuat-buak di benak fikiran. Siti Adnon juga memenuhi kriteria yang dicari oleh pengkaji iaitu Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat yang pernah menuntut di fakulti itu sekitar tahun 1968 hingga 1990 an dan alumni yang telah bersara. Dengan itu, beliau boleh memberi gambaran bagaimakah suasana KSPM pada ketika itu dan apakah perbezaan yang ketara dengan Fakulti Pengurusan Maklumat yang kini dari segi pendaftaran kursus, jam kuliah, personaliti pensyarah, asrama dan lain-lain.

Untuk langkah awal, pengkaji telah menghubungi Siti Adnon dan setelah beliau bersetuju untuk menjadi tokoh yang ingin di temubual oleh pengkaji, Surat Perjanjian Mengenai Projek Sejarah Lisan telah dihantar dan ditandatangani oleh beliau sebagai tanda persetujuan bahawa hasil rakaman temubual ini akan diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA. Beliau juga menyambut baik pelawaan pengkaji untuk menemubualnya dan begitu teruja apabila kajian yang dijalankan terhadapnya ini turut menggamt memori masa lalunya yang penuh dengan nostalgia, terutamanya semasa beliau bergelar sebagai mahasiswi di Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat, ITM Jalan Othman. „Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain”. Itulah peribahasa yang dapat digambarkan untuk Siti Adnon kerana memori beliau mengenai KSPM masih segar dalam ingatannya walaupun ianya telah lama berlalu.

Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data di mana ia dijalankan dengan temubual tokoh tersebut dan segala maklumat telah dirakam untuk dijadikan bahan bukti kajian. Setiap maklumat penting yang disebut oleh Siti Adnon akan dicatat oleh pengkaji. Sebelum menjalankan sesi temubual tersebut, pengkaji terlebih dahulu mengadakan pra-temubual bersama-sama dengan tokoh untuk mendapatkan maklumat asas berkenaan diri beliau dan dalam pada masa yang sama, pengkaji juga turut berkongsi serba-sedikit latar belakang serta menjelaskan tujuan kajian yang dijalankan. Pengkaji juga menggunakan aplikasi WhatsApp Messenger dan Mel elektronik sebagai medium komunikasi untuk berhubung dengan beliau.

Hasil dari pra-temubual tersebut, pengkaji dan tokoh bersetuju untuk mengadakan temubual secara atas talian itu pada 29 November 2020 bermula jam 8.10 malam sehingga 11.00 malam, iaitu selama 2 jam 56 minit 20 saat. Di kala pandemik yang berlaku ketika ini dan telah menjaskas seluruh dunia angkara Covid-19, kaedah kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah dengan temubual tokoh secara lisan menggunakan aplikasi persidangan video dalam talian iaitu *Google Meet*, mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan persetujuan antara dua pihak.

Setelah melalui beberapa proses sehingga tamat sesi temubual tersebut, langkah seterusnya yang diambil oleh pengkaji ialah membuat satu salinan video rakaman temubual dan proses mentranskripsikan setiap bait kata yang dituturkan oleh tokoh dilakukan sejurus itu. Selesai sahaja proses mentranskripsi perbualan yang memakan masa 2 jam 56 minit 20 saat itu, pengkaji mendengar kembali rakaman perbualan dan pada masa yang sama, transkripsi dibaca berulang kali agar tidak ada maklumat penting yang tertinggal atau tersilap transkripsi, terutamanya maklumat yang berkaitan dengan fakta seperti nama organisasi, nama individu dan tarikh-tarikh penting. Jika terdapat kesalahan fakta dalam transkrip temubual, ia menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memperbetulkan segala kesalahan tersebut agar penyelidik di masa akan datang memperoleh maklumat yang tepat untuk kajian mereka.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Siti Adnon bin Haji Abdul Wahid



Gambar 1: Siti Adnon Haji Abdul Wahid

Siti Adnon Haji Abdul Wahid merupakan anak jati kelahiran Negeri Sembilan Darul Khusus. Beliau merupakan anak yang ke 6 daripada 7 adik-beradik dan dilahirkan pada 19 Mac 1963 di Kg.Kota, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau berbangsa Melayu dan suku beliau adalah Suku Tanah Datar. Siti Adnon dibesarkan di Rahang, Negeri Sembilan tetapi telah berhijrah ke Seremban kerana ayah beliau bertugas di sana. Beliau merupakan anak kepada seorang Kadi Besar di Negeri Sembilan, iaitu Allahyarham Haji Abdul Wahid Bin Shamsudin yang juga berasal dari Rembau dan bersuku Sri Melenggang. Manakala ibu beliau pula Allahyarhamah Hajah Azizah Binti Kadir merupakan seorang suri rumah tangga dan bersuku Tanah Datar Minangkabau. Oleh kerana Siti Adnon berasal dari Negeri Sembilan, beliau dan keluarganya mengamalkan Adat Perpatih dan suku Sri Melenggang dan suku Tanah Datar Minangkabau ialah antara suku-suku yang terdapat di Negeri Sembilan.

Siti Adnon atau lebih mesra dikenali sebagai Siti dan Ti di kalangan sahabat beliau merupakan seorang yang berperwatakan serius dan agak pendiam tetapi beliau mudah tersenyum orangnya. Beliau juga seorang pemikir dan suka menyendiri untuk mencari ilham dan juga sangat meminati seni seperti deklamasi sajak dan puisi. Siti Adnon sering terpukau dengan lagu-lagu klasik yang didendangkan oleh artis-artis veteran seperti Allahyarhamah Toh Puan Setia Datin Rafeah binti Buang, Allahyarhamah Datuk Sharifah Aini binti Syed Jaafar dan Allahyarham Datuk Mohd Jais Ahmad. Selain itu, beliau juga

seorang yang amat meminati bidang fotografi dan sangat gemar mengambil gambar alam semula jadi dan setiap gambar yang diambil akan disimpan untuk dijadikan koleksi tatapan di masa akan datang. Siti Adnon telah mendirikan rumah tangga bersama Haji Rusli bin Mat Noh yang berasal dari Bera, Pahang, pada tahun 2008. Setelah bersara, Siti Adnon mengikuti suaminya berhijrah ke Temerloh, Pahang, dan meneruskan kehidupannya di sana.

Latar belakang pendidikan

Di Malaysia, pendidikan bermula daripada tadika iaitu pendidikan di peringkat awal hingga ke peringkat tertinggi, universiti. Tetapi, pada tahun 1960an, pendidikan awal kanak-kanak bermula dari sekolah rendah. Siti Adnon memulakan pendidikan awal beliau di Sekolah Kebangsaan Ulu Gadong, Kota, Negeri Sembilan. Kemudian, semasa darjah dua sehingga darjah enam, beliau sekeluarga telah berhijrah ke Seremban dan memulakan persekolahannya di sekolah baharu iaitu di Sekolah Kebangsaan Rahang, Seremban, kerana mengikuti ayah beliau yang ditugaskan di Seremban. Beliau bersekolah di tempat baharu, bermula dari tahun 1971 hingga 1974 dan turut mengambil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di sekolah tersebut. Ketika di sekolah rendah, beliau merupakan pelajar yang aktif bersukan dan sukan yang paling diminatinya adalah sukan bola jaring. Antara pengalaman manis ketika di alam persekolahannya adalah ketika beliau terpilih untuk mewakili sekolah dalam acara sukan bola jaring. Di samping menjadi pelajar yang aktif bersukan, beliau juga merupakan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sentiasa mendapat nombor satu di dalam kelas beliau, setiap kali keputusan peperiksaan akhir tahun keluar.

Siti Adnon kemudiannya meneruskan pelajarannya ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Convent Seremban dan telah ditawarkan ke Kelas Rancangan Khas(KRK) dek kerana beliau tidak berpeluang untuk memasuki sekolah berasrama penuh, sehinggalah beliau mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), iaitu pada tahun 1975 hingga tahun 1980. Setelah itu, beliau meneruskan pendidikan di Sekolah Menengah Tuanku Ampuan Durah, untuk menyambung pengajiannya ke Tingkatan 6 dari tahun 1981 hingga 1982.

Pada tahun 1986, beliau melanjutkan pengajian di Diploma Sains Perpustakaan (setaraf Ijazah Sarjana Muda Kepujian) di Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat, ITM Jalan Othman, Petaling Jaya, ketika itu. Beliau mendapat peluang untuk berkhidmat sebagai pustakawan sebelum menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang Teknologi Maklumat dari Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, pada tahun 2001.

Suka duka di KSPM, ITM Jalan Othman

Sebagai seorang remaja yang ternanti-nanti akan peluangnya untuk ke menara gading pada ketika itu, sudah tentu beliau begitu teruja dan hatinya melonjak-lonjak kegirangan apabila mendapat surat tawaran untuk menyambung pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi di ITM. Siti Adnon telah mendaftar di KSPM pada tahun 1983 dan merupakan pelajar ambilan ke-2 pada ketika itu. Beliau amat bersyukur kerana mendapat peluang yang amat sukar untuk diperoleh anak muda pada masa itu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Menurut beliau, peluang untuk menyambung pelajaran pada ketika itu tidak seperti masa kini kerana kewujudan institusi pengajian tinggi pada waktu itu amatlah terhad bilangannya. Semua proses pendaftaran ketika itu perlu dilakukan di ITM, Kampus Shah Alam, iaitu kampus induk dan mereka perlu beratur selama berjam-jam untuk membayar yuran secara tunai, mendaftar kursus mengikut fakulti masing-masing dan pendaftaran kolej juga dilakukan di situ. Sesi orientasi untuk pelajar baru juga tidak diadakan untuk pelajar ambilan kedua seperti Siti Adnon dan rakan-rakannya tetapi mereka perlu menghadiri sesi ceramah di kampus induk.

Semasa menuntut di ITM, Jalan Othman, beliau tidak menetap di Asrama Mas Merah iaitu asrama yang terdapat di ITM, Jalan Othman, kerana pada semester pertama beliau, asrama itu penuh dengan pelajar ambilan pertama. Maka dari itu, beliau serta enam orang rakan beliau telah ditempatkan di pangaspuri yang diberi nama Asrama Beringin, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Antara kenangan yang menggamit memori beliau adalah semasa masih bergelar sebagai pelajar semester pertama. Hal ini demikian kerana pada ketika itu, beliau sering kali dimomokkan dengan kisah misteri dan seram mengenai kewujudan "The Green Lady" di pangaspuri itu sehingga diri beliau diselubungi perasaan takut yang teramat setiap kali hendak tidur. Menurut

cerita pelajar lama, "The Green Lady" ini merupakan kisah seorang pelajar perempuan yang telah membunuh diri di pangaspuri itu dan ianya akan menghantui pelajar-pelajar pada setiap malam.

Pada suatu malam, ketika Siti Adnon dan rakan-rakannya sedang bersiap-siap untuk tidur, tiba-tiba cermin tingkap di biliknya tertutup sendiri dan menghasilkan bunyi yang kuat sehingga mengejutkan beliau. Hatinya berdebar-debar dan fikirannya tidak tenteram memikirkan siapakah gerangannya yang telah menutup cermin tingkap itu dengan kuat sekali. Sebagai umat Islam, beliau tanpa berfikir panjang lagi terus menadah tangan memanjatkan doa dan memohon perlindungan dari Allah Yang Maha Esa.

Selain itu, kenangan manis yang kekal terpahat dalam ingatannya ialah semasa beliau menyertai Kesatria Negara ITM, iaitu latihan yang menyerupai asas ketenteraan. Dengan latihan-latihan yang diberikan, Siti Adnon akui sedikit sebanyak ia telah memberikan impak positif dalam kehidupannya sehingga kini dimana ia telah membentuk peribadi beliau menjadi seorang yang berdisiplin, berdikari, bersyukur dan berhemah tinggi. Beliau juga begitu teruja apabila dianugerahkan pangkat Lans Koperal semasa melibatkan diri dalam Kesatria Negara itu. Baginya, walaupun hanya sebagai Lans Koperal, ianya amat bermakna buat beliau kerana itulah hasil semua penat lelahnya setelah menyertai latihan yang menyerupai asas ketenteraan tersebut.

Seterusnya, semasa menuntut di situ, Siti Adnon dan rakan-rakan sekelasnya seramai 45 orang termasuk dirinya berpeluang untuk mengadakan Hari Terbuka Kampus bagi tujuan mengumpulkan dana untuk lawatan mereka ke Perth, Australia. Dengan adanya hari terbuka itu, mereka turut terdedah dengan aktiviti keusahawanan di mana mereka telah membuat jualan makanan. Setelah itu, mereka mendapat khabar gembira bahawa ada penyumbang yang ingin menyumbangkan sejumlah wang bagi menambah jumlah yang sedia ada, hasil dari jualan mereka. Namun, apabila hari yang dinanti-nantikan telah tiba, penyumbang tersebut tidak jadi untuk memberikan sumbangan dan daripada 45 orang pelajar, hanya separuh sahaja yang berpeluang untuk ke Perth, Australia. Lantaran itu, Siti Adnon begitu kecewa kerana impiannya untuk melawat perpustakaan di salah satu Negara Komanwel itu tidak tercapai dan hingga saat ini beliau masih berasa terkilan dengan kejadian tersebut.

Bagi Siti Adnon, itulah antara kenangan-kenangan yang tidak dapat dilupakan oleh beliau dan rakan-rakan. Sehingga kini, apabila beliau berhubung atau bertemu dengan rakan seperjuangannya suatu ketika dahulu, mereka pasti akan membongkar kembali segala kenangan yang menggamit memori itu.

Persekutuan dan suasana ITM Jalan Othman

KSPM dahulu terletak di ITM, Kampus Jalan Othman, Petaling Jaya, dan bangunannya kelihatan seperti bangunan sekolah biasa menurut Siti Adnon. Kampus tersebut agak kecil ketika itu kerana hanya dua kursus sahaja yang ditempatkan disitu iaitu Diploma Sains Kesetiausaha dan Diploma Sains Perpustakaan. Walaupun hanya dua kursus sahaja, fasiliti yang disediakan di kampus itu sangat terhad. Antara fasiliti yang terdapat disitu ialah bilik-bilik kuliah, perpustakaan, padang tempat berkawad dan asrama.

Kelas pada ketika itu agak kecil dan pelajar hanya menggunakan kerusi plastik dan meja kayu untuk menimba ilmu. Walaupun kecil, ia boleh memuatkan sehingga 45 orang pelajar di dalam kelas tersebut. Terdapat juga sebuah perpustakaan kecil di kampus itu dan ia hanya boleh menampung sekitar 100 orang pelajar sahaja. Bukan itu sahaja, makmal komputer juga hanya menyediakan 15 buah komputer sahaja dan disebabkan hal itu, pelajar perlu mengambil giliran masing-masing untuk menggunakan komputer tersebut mengikut masa yang telah diperuntukkan untuk setiap seorang pelajar.

Kampus Jalan Othman pada ketika itu tidak mempunyai dewan dan apabila tiba musim peperiksaan, ia akan diadakan di dalam bilik kuliah sahaja. Setelah berhempas-pulas memerah otak sama ada sesudah habis kelas atau peperiksaan, sudah pasti pelajar menginginkan tempat yang selesa untuk mereka bersantai dan menenangkan fikiran. Namun begitu, kemudahan itu juga amat terhad dan hanya beberapa orang pelajar sahaja berpeluang untuk menggunakan tempat persantaian itu. Pusat-pusat beli-belah juga belum wujud pada masa itu kerana pembangunan di Petaling Jaya pada tahun 1980-an tidaklah serancak masa kini. Beliau turut memberitahu bahawa kampus itu juga berdekatan dengan Pekan Lama Petaling Jaya atau lebih popular

dipanggil PJ Old Town dan kedai-kedai runcit biasa sahaja. Untuk membeli barang keperluan pula, terdapat sebuah koperasi kecil yang beroperasi di dalam kawasan kampus itu juga.

Di kampus itu juga kadangkala dimeriahkan oleh pelajar-pelajar dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti majlis makan malam mengikut kursus masing-masing. Tidak ketinggalan juga, aktiviti berbentuk kerohanian seperti ceramah-ceramah agama turut dijalankan pada sebelah malam dan dihadiri oleh pelajar-pelajar yang mempunyai kelapangan masa. Dapat dilihat bahawa gambaran mengenai suasana dan persekitaran kampus itu masih segar dan jelas di dalam ingatan Siti Adnon.

Tenaga pengajar KSPM

Di sebalik kejayaan beliau dalam memperolehi sijil Diploma Sains Perpustakaan itu, terdapat barisan pendidik ibarat lilin yang membakar diri demi memastikan pelajar-pelajarnya diberi didikan yang terbaik untuk masa hadapan mereka. Siti Adnon memberitahu bahawa beliau hanya mampu mengingati 9 orang pensyarah sahaja, yang pernah mencerahkan ilmu kepadanya sehingga dia berjaya sampai ke tahap ini.

Antara pensyarah yang disebutkan oleh beliau ialah Profesor Madya Norma Abu Seman. Seterusnya, Profesor Madya Fuziah Md Nadzar dan Encik Wong Tuck Cheong, yang mengajar beliau subjek Pencarian Maklumat. Terdapat juga seorang pensyarah yang berasal dari Indonesia dan mengajar beliau subjek Pengkatalogan, iaitu Siti Hasnah Simanjuntak atau lebih mesra disapa sebagai Ibu Hasnah, dan ini antara pensyarah yang berpersonaliti garang menurut beliau. Dr Katni Kamsono Kibat, yang merupakan Ketua Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat pada masa itu mengajar beliau PRO (Public Relation Officer). Puan Sri Molina Sinha Nijhar mengajar beliau subjek Pengurusan Maklumat. Profesor Madya Dr Zohra binti Ibrahim, turut mengajar PRO (Public Relation Officer) juga. Profesor Madya Indahsah Sidek mengajar beliau subjek Pengkomputeran.

Beliau mengkategorikan Profesor Madya Fuziah Md Nadzar dan Profesor Madya Indahsah Sidek sebagai pensyarah yang cantik dan comel dimana setiap kali dua orang pensyarah ini mengajar di dalam kelas, beliau

dan rakan sekelasnya tanpa rasa jemu memandang kecomelan dan kecantikan mereka berdua. Tidak ketinggalan seorang pensyarah luar yang berkhidmat di ITM pada ketika itu, iaitu Dr Syed Salim Agha, iaitu Ketua Pustakawan di UPM, dan mengajar beliau subjek perancangan perpustakaan. Setelah itu, Profesor Dato" Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob atau lebih mesra digelar sebagai Pak Ray, merupakan Ketua Kursus Diploma Sains Perpustakaan pada masa itu dan mengajar beliau subjek khidmat rujukan. Kelas bersama Pak Ray adalah kelas yang sering dinanti-nantikan oleh para pelajar kerana beliau akan menggagalkan rancangan pelajar untuk melelapkan mata semasa beliau mengajar dengan lawak-lawak yang dibuat olehnya. Walaupun Pak Ray seorang pensyarah yang lawak, namun terdapat sebuah pesanan ringkas yang diberikan olehnya meninggalkan bekas di hati Siti Adnon. "Pustakawan mesti *willing to help*. Bantu pelanggan", pesan Pak Ray buat pelajarnya semasa di dalam kelas dan pesanan keramat inilah yang dijadikan sebagai pedoman buat Siti Adnon dalam menjalankan tugasnya sebagai pustakawan hingga beliau bersara.

Menurut beliau, apa yang ingin disampaikan oleh Pak Ray itu ialah sebagai seorang yang bergelar pustakawan mestilah mesra pelanggan dan ringan tulang dalam menghulurkan bantuan kepada orang sekeliling sama ada yang susah mahupun yang senang kerana profesion pustakawan ini sangat mulia. Oleh kerana Pak Ray pernah berkhidmat sebagai pustakawan sebelum menukar profesionnya kepada seorang pensyarah, beliau seringkali memberikan contoh-contoh dan pengalaman beliau yang membolehkan pelajar memahami dan mengaplikasikan segala ilmu sains perpustakaan yang telah dipelajari itu apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan. Bagi Siti Adnon, contoh-contoh yang diberikan itu sangat memudahkan segala tugasannya dalam menjadi pustakawan.

Subjek yang dipelajari

Untuk Kursus Diploma Sains Perpustakaan, subjek-subjek yang diajar sangat bermanfaat untuk pelajar dan ia membolehkan pelajar berkeupayaan untuk mengasah kemahiran pustakawan dalam diri mereka. Antara subjek yang masih kekal dalam ingatan Siti Adnon ialah subjek pengkatalogan. Pengkatalogan adalah jantung untuk perpustakaan dan disebabkan hal itu, subjek ini wajib dipelajari untuk setiap semester kerana maklumat yang ada di

dalam perpustakaan akan diuruskan melalui pengkatalogan. Selain itu, beliau juga berpeluang untuk mempelajari subjek Perhubungan Awam, Capaian Maklumat, Pengkomputeran, Pangkalan Data, Khidmat Rujukan, Kaedah Kajian, Bahasa Inggeris Komunikasi dan Pendidikan Islam. Belia turut memilih Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga untuk dipelajari.

Manakala untuk kertas opsyen, subjek yang menjadi pilihan Siti Adnon ialah subjek Perpustakaan Awam dan Perancangan Perpustakaan. Subjek yang menjadi kegemaran beliau ialah Perancangan Perpustakaan. Semasa beliau memulakan profesion sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan di PPANS, tugas pertama beliau adalah membuat perancangan perpustakaan untuk PPANS dan beliau amat berbesar hati menggalas tanggungjawab itu kerana dengan itu, beliau berpeluang untuk mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajarinya dahulu semasa bekerja.

Selain itu, Siti Adnon turut berkongsi pengalaman beliau untuk subjek Perhubungan Awam dimana mereka mengadakan program khidmat masyarakat iaitu Program Galakan Membaca di Terengganu, dan diiringi oleh pensyarah beliau. Mereka bertolak dari Kampus Jalan Othman ke Terengganu dengan menaiki sebuah bas yang disediakan oleh ITM dan sesudah sampai ke destinasi, mereka ditempatkan ke dalam sebuah dewan dan di situ lah tempat mereka untuk beristirehat untuk beberapa hari. Terdapat pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Antaranya ialah program anak angkat, pertandingan bukuthon, jualan buku-buku dengan harga yang berpatutan dan kesemua aktiviti ini melibatkan pelajar dan penduduk di situ.



Gambar 2: Kempen Galakan Membaca

Pada tahun 1980an, fasiliti seperti komputer riba dan gajet yang canggih belum dicipta. Untuk setiap tugas mengikut subjek yang diberikan oleh pensyarah, pelajar menyiapkannya hanya dengan menggunakan mesin taip atau tulisan tangan sahaja. Itu juga menjadi salah satu cabaran untuk Siti Adnon dalam menyiapkan segala tugas yang diberikan. Namun, itu bukan alasan beliau untuk tidak menyiapkannya. Jika diamati pengalaman Siti Adnon sepanjang bergelar sebagai seorang pelajar pada era 80an, dapatlah disimpulkan bahawa cabaran itu tidak melemahkan semangatnya malah ia menjadi pembakar semangat untuk beliau sampai ke puncak kejayaan. Bak kata pepatah „Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang”.

Karier Impian

Setelah menamatkan pengajian, ianya menjadi lumrah kehidupan dan impian setiap individu untuk mendapatkan pekerjaan tetap di dalam bidang yang telah dipelajari. Begitu juga dengan Siti Adnon, yang mempunyai impian untuk bekerja di dalam bidang kepustakawanan sesuai dengan kelulusan beliau.

Sejurus selepas Siti Adnon menghadiri majlis konvokesyen beliau pada bulan Julai 1986, beliau telah mendapat tawaran untuk bekerja sebagai pustakawan sambilan di Perpustakaan Awam Islam (Pusat Islam), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, pada bulan Ogos 1986, menerusi Skim Siswazah Sambilan. Seterusnya pada tahun 1987, beliau telah mendapat pekerjaan tetap sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan (S27) di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dan selang beberapa tahun, beliau telah dinaikkan pangkat dan memegang jawatan sebagai Pustakawan (S41). Tugas pertama beliau semasa memulakan profession di PPANS adalah menguruskan perpindahan perpustakaan dari bangunan lama ke bangunan baharu dan di situ lah beliau dapat mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajarinya dalam subjek Perancangan Perpustakaan. Beliau telah ditugaskan membuat pelan susun atur di perpustakaan tersebut dan ia memerlukan beliau berhubung dengan berbagai-bagai profesi dari bidang lain seperti arkitek dan jurukur bahan serta agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya.

Menurut beliau, perpustakaan ini telah dua kali berpindah tempat kerana apabila bertukar tampuk kerajaan, maka perpustakaan juga turut berpindah. PPANS pada asalnya sebuah bangunan kecil dan hanya mempunyai dua orang pegawai sahaja pada ketika itu, iaitu Siti Adnon sendiri dan pengarah perpustakaan. Kemudian ianya telah dipindahkan ke bangunan yang jauh lebih besar iaitu di bangunan bekas Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan yang telah dikosongkan. Setelah beberapa tahun selepas itu, mereka telah berpindah lagi ke Bangunan UMNO.

Antara program yang pernah menjadi hasil buah fikiran beliau juga ialah penubuhan Kelab Adikku dan Kelab Remaja di PPANS pada ketika itu. Tujuannya adalah untuk mempromosikan PPANS secara meluas kepada orang luar tentang kewujudan PPANS serta kemudahan-kemudahan yang disediakan. Program ini juga telah mendapat siaran khas di Negeri FM pada setiap petang Hari Sabtu dan mempunyai pelbagai segmen yang sesuai untuk kanak-kanak dan remaja. Aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh perpustakaan juga berbentuk riadah, hiburan dan pengetahuan. Antara aktiviti yang dimaksudkan beliau ialah memberikan peluang kepada kanak-kanak dan remaja tersebut untuk merasai pengalaman menjadi pengacara majlis dan menyampai radio. Hasil daripada aktiviti-aktiviti tersebut, segala bakat terpendam dalam diri anak-anak itu dapat dicungkil dan sekaligus meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berdiri di hadapan khalayak ramai. Anak-anak tersebut telah membesar dengan baik dan kebanyakannya berjaya dengan profesi masing-masing seperti doktor, peguam dan pegawai tadbir menurut Siti Adnon. Selain itu, program-program lain yang turut dianjurkan ialah pesta buku, pertandingan bercerita, melukis dan mewarna, bicara buku bersama tokoh-tokoh dan Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Negeri Sembilan dimana beliau telah menjadi salah seorang panel juri untuk memilih pemenang. Di samping itu, beliau juga sering diundang untuk memberi ceramah ke sekolah-sekolah dan perpustakaan jabatan-jabatan, dan tajuk ceramah beliau seringkali berkaitan tentang minat membaca di kalangan masyarakat dan perpustakaan.

Sepanjang Siti Adnon bertugas, beliau telah menghadiri lebih daripada lapan puluh jenis kursus. Antara kursus yang masih terpahat dalam ingatan oleh beliau ialah Kursus Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau dikenali TQM (Total Quality Management) dan kursus pelaksanaan ISO (International

Standard Organization). Beliau telah dilantik sebagai wakil pengurusan jabatan untuk pelaksanaan ISO di PPANS dan hasil dari segala penat lelah beliau dan kakitangan yang lain dalam menyediakan SOP (Standard Operation Procedure), proses kerja, senarai tugas, menyusun fail-fail dan segala yang berkaitan, PPANS telah berjaya mendapat pengiktirafan MS ISO 9002:1994 pada tahun 2002. Beliau juga terlibat dalam Persatuan Pustakawan Malaysia dan merupakan ahli biasa.

Antara anugerah yang pernah diterima oleh beliau di atas segala bakti yang pernah dicurahkan semasa bergelar sebagai seorang pustakawan di PPANS adalah Pingat Khidmat Masyarakat Cemerlang (PMC) pada tahun 2000 dan Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun 2004 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Selama 27 tahun berkhidmat di PPANS, terdapat banyak sumbangan berbentuk tenaga dan buah fikiran yang telah diberikan Siti Adnon dalam pembangunan PPANS yang dahulunya hanya sebuah perpustakaan kecil sahaja. Namun, kini ia telah berubah wajah menjadi perpustakaan yang besar dan dikenali di seluruh pelosok Negeri Sembilan.

Menceburi bidang penulisan

Menjadi seorang pustakawan bukan hanya sekadar menjaga buku di perpustakaan sahaja. Malah, pustakawan juga boleh menjadi seorang penulis buku menurut Siti Adnon. Dalam kesibukan Siti Adnon bekerja, beliau juga pernah dilantik sebagai panel penulis Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan menulis buku biografi mengenai Tokoh-Tokoh Ulama Negeri Sembilan. Beliau memulakan karya penulisan beliau atas dorongan rakannya yang merupakan seorang pendidik dan juga penulis iaitu Encik Wan Ahmad Arsyad.

Karya pertama beliau ialah menulis biografi ayahnya sendiri iaitu Haji Abdul Wahid bin Shamsudin, bekas Kadi Besar Negeri Sembilan. Ayah beliau mempunyai sebuah buku catatan tentang tazkirah yang dijalankannya dan kisah hidupnya dari kecil sehingga dewasa, yang ditulis sesudah beliau bersara. Disebabkan hal itu, Siti Adnon telah mengambil peluang tersebut untuk mengolah semula penulisan milik ayahnya. Setelah draf penulisan itu disiapkan, beliau telah menyerahkannya kepada Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan apabila mendapat kelulusan dari pihak atasan, mereka bersetuju untuk mencetak buku tersebut. Bermula dari situ, Siti Adnon semakin

cenderung untuk menulis biografi tokoh-tokoh ulama yang terdapat di Negeri Sembilan. Sepanjang beliau menulis biografi tokoh-tokoh tersebut, mereka telah memberikan kerjasama yang amat baik kepadanya dan hal itu membuatkan beliau lebih bersemangat lagi untuk menulis. Bagi Siti Adnon, terdapat banyak manfaat yang beliau perolehi setiap kali menjalankan temubual bersama tokoh-tokoh ulama tersebut kerana beliau tidak pulang dengan tangan kosong. Malah, beliau akan dibekalkan dengan nasihat-nasihat yang berguna daripada tokoh-tokoh tersebut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup.

Disamping itu, tesis beliau semasa pengajiannya di UKM, bertajuk „Penggunaan Sumber Rujukan Media Elektronik di Perpustakaan“ telah diterbitkan menjadi sebuah buku dan berikut adalah hasil karya penulisan beliau



Gambar 3: Hasil karya penulisan Siti Adnon Haji Abdul Wahid

Idola yang disanjungi

Setiap orang pasti mempunyai idola masing-masing untuk dijadikan sebagai sumber inspirasi hidup mereka. Begitu juga dengan Siti Adnon, di mana beliau mempunyai 2 orang idola yang sangat beliau kagumi dan sanjungi. Antara individu yang memberi inspirasi kepada Siti Adnon untuk menjadi pustakawan yang mesra pelanggan ialah Allahyarhamah Datin Seri Hajah Azizah binti Haji Tumin, iaitu isteri pertama Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan pada ketika itu, Tan Sri Mohd. Isa Haji Abdul Samad. Allahyarhamah Datin Seri Hajah Azizah binti Haji Tumin ini kerap datang ke perpustakaan

bersama anak-anaknya untuk mengikuti Kelab Adikku yang ditubuhkan oleh PPANS pada masa itu. Walaupun bergelar sebagai suri hati kepada seorang pemimpin ternama di Negeri Sembilan, beliau sangat peramah dan hal itu telah menarik hati Siti Adnon.

Selain itu, Siti Adnon turut mengidolakan Dato" Zawiyah Baba, iaitu Bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, yang juga merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan. Beliau kerap datang ke PPANS untuk membantu kakitangan di sana dari segi pengurusan dan perancangan perpustakaan. Menurut Siti Adnon juga, Dato" Zawiyah mempunyai kemahiran komunikasi yang sangat baik dan ianya dapat dilihat setiap kali beliau membentangkan kertas kerja. Justeru itu, Siti Adnon sangat tertarik dengan perwatakan Dato" Zawiyah Baba, di mana ia seharusnya dimiliki oleh para pustakawan. Dengan itu, keyakinan dan kredibiliti sebagai seorang pustakawan dapat ditonjolkan.

Kehidupan selepas bersara

Siti Adnon telah bersara secara pilihan pada 1 April 2014 dan tarikh itu sememangnya tarikh yang dipilih oleh beliau. Setelah bersara dari profesional sebagai seorang pustakawan di PPANS, beliau telah berhijrah dan menetap di Temerloh, Pahang. Oleh kerana itu, beliau tidak lagi aktif seperti dahulu dalam melakukan pengkajian dan penulisan biografi tokoh-tokoh ulama itu kerana untuk menulis tersebut, Siti Adnon perlu berulang-alik dari Negeri Sembilan ke Pahang dan ia memakan masa dan tenaga beliau. Setelah bersara, Siti Adnon pernah terfikir untuk menjadi seorang pensyarah tetapi hasrat itu dibatalkan kerana beliau ingin memberi peluang buat generasi muda agar mereka mendapat peluang pekerjaan itu.

Tambahan pula, beliau juga sibuk menguruskan keluarganya dan kedai pakaian muslimah yang dimilikinya di Lurah Semantan, Temerloh, Pahang. Sesungguhnya, dunia perniagaan adalah sesuatu yang baharu untuk beliau. Namun, demi merealisasikan impian yang terbukti di hatinya dan atas dorongan suami, keluarga serta rakan-rakannya, maka tercapailah impian beliau untuk memiliki perniagaan sendiri.

Selain itu, Siti Adnon menyatakan bahawa sememangnya menjadi hasrat beliau untuk menceburi bidang baharu yang jauh berbeza dari profesion

beliau sebelum ini sebagai pustakawan. Perbezaan yang ketara beliau hadapi semasa menjadi usahawan ialah beliau seringkali terjumpa dengan orang-orang yang mempunyai kehidupan yang daif atau susah di mana beliau tidak menjumpainya semasa berada di dalam perpustakaan dan itu adalah satu pengalaman yang baharu buat beliau. Hal ini telah membuka mata beliau untuk menghulurkan bantuan kepada golongan tersebut.

Menurut beliau lagi, dengan membuka perniagaan ini beliau dapat berkongsi rezeki dengan pekerjanya melalui gaji yang dibayar, daripada hasil pendapatan di kedai tersebut. Bukan itu sahaja, malah dengan adanya kedai pakaian ini, beliau dapat membantu wanita-wanita diluar sana untuk mendapatkan pakaian yang patuh syariah dan menutup aurat. Pustakawan dan buku sukar dipisahkan walaupun telah bersara. Jika mempunyai waktu lapang, Siti Adnon akan mengisi masa lapang beliau dengan membaca buku di perpustakaan peribadi milik beliau. Di samping itu, beliau akan bercucuk tanam dengan menanam pokok buah-buahan dan sayur-sayuran seperti daun pegaga, daun sup dan bayam brazil. Bagi beliau, walaupun telah bersara, itu tidak bermakna beliau hanya perlu duduk, makan, dan tidur sahaja sehingga tidak mengaktifkan diri untuk melakukan sebarang pekerjaan atau pergerakan. Oleh itu, dengan adanya aktiviti-aktiviti tersebut, masa lapangnya tidak akan berlalu dengan sia-sia.

Pendapat mengenai profession pustakawan

Bagi beliau, menjadi seorang pustakawan ini profesion yang sangat hebat kerana dengan melakukan pengkatalogan di perpustakaan, ia dapat membantu pengguna untuk mencari maklumat dan pengguna-pengguna perpustakaan juga terdiri daripada orang-orang kenamaan. Dalam erti kata lain, pustakawan adalah pemudah cara untuk masyarakat di luar dalam menguruskan segala maklumat.

Di samping itu, sebagai seorang pustakawan, beliau juga berpendapat bahawa menjadi pustakawan mestilah menjadi seorang yang peramah dan sentiasa ringa tulang untuk membantu pengguna. Selain itu, menurut beliau menjadi seorang pustakawan ini juga hebat kerana sudah terang lagi bersuluh, perpustakaan itu merupakan gedung ilmu dimana menjadi tempat penyimpanan segala maklumat dan masyarakat akan memandang tinggi

terhadap pustakawan kerana segala maklumat berada dihujung jari pustakawan. Siti Adnon tidak pernah menyesal memilih profesion sebagai pustakawan kerana dengan itu, segala ilmu yang dipelajarinya dapat beliau sampaikan kepada orang lain dan ianya turut memberi manfaat kepada orang lain. Bukan itu sahaja, malah beliau juga berpeluang berbakti kepada masyarakat dan ia memberikan kepuasan kepada beliau kerana dapat membantu orang lain untuk mencari maklumat.

Harapan dan pesanan

Sebagai seorang yang telah lama berkecimpung di dalam dunia kepustakawan dan telah bersara, sudah tentu Siti Adnon mempunyai harapan tersendiri untuk melihat bidang kepustakawan ini terus maju dan diterajui oleh generasi muda yang berpengetahuan.

Profesion pustakawan ini adalah pemudah cara untuk masyarakat di luar dalam menguruskan segala maklumat. Harapan Siti Adnon untuk bakal pustakawan dan yang telah menjadi pustakawan ialah agar mereka dapat mengikuti segala Indeks Prestasi Utama yang telah ditetapkan dan menjaga kepuasan pelanggan dengan memberikan servis yang terbaik. Jika pustakawan melakukan kesilapan seperti memberi layanan buruk kepada pelanggan, kesalahan itu akan selamanya dikenang dan seterusnya ia bagaikan menconteng arang ke muka bidang kepustakawan yang selama ini dipandang mulia oleh masyarakat. Bak kata pepatah "Kerana setitik nila, rosak susu sebelanga". Justeru itu, beliau berharap pustakawan-pustakawan di luar sana dapat memberi komitmen yang baik dalam melaksanakan segala tugas kerana profesion mereka itu juga adalah rezeki yang telah ditetapkan oleh Allah Taala.

Siti Adnon juga sempat menitipkan pesanan yang sangat bermakna dan bermanfaat kepada masyarakat sejagat yang berbunyi:

"Kita ini adalah khalifah Allah di muka bumi ini, dipinjamkan untuk beberapa waktu. Hidup kita ini adalah sementara dan akhirat juga yang kekal abadi. Sementara kita masih bernafas lagi, buatlah amal bakti. Berbaktilah kepada semua masyarakat dan semua makhluk Allah waimah apapun sama ada manusia, binatang ataupun tumbuh-tumbuhan. Kita semua akan

dipertanggungjawabkan dan dipersoalkan apabila kita kembali kepada Yang Maha Esa.”

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa objektif kajian yang telah dinyatakan dapat dicapai melalui sejarah lisan yang telah dijalankan. Antaranya ialah pengkaji berjaya mendokumentasikan tentang pengalaman Siti Adnon semasa bergelar mahasiswi di KSPM sehingga beliau bersara dari bidang pengurusan maklumat. Pengkaji juga dapat mengenal pasti sumbangan Siti Adnon terhadap bidang kepustakawanan, masyarakat dan bidang penulisan biografi yang diceburinya. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa FPM atau KSPM telah berjaya melahirkan profesional maklumat yang hebat dan berbakat seperti Siti Adnon. Dengan adanya dokumentasi ini, pengkaji luar dapat mengetahui bahawa FPM sebenarnya banyak melahirkan profesional-profesional maklumat yang memainkan peranan penting dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat di Malaysia mahupun di persada antarabangsa.

Pengkaji juga dapat menyimpulkan bahawa Siti Adnon antara Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat yang amat berbangga menjadi salah seorang pelajar di KSPM suatu ketika dahulu. Beliau juga turut berbangga dengan professionnya sebagai seorang pustakawan dan tidak lokek berkongsi segala ilmu dan pengalaman yang diperolehnya. Sikap yakin diri beliau ini perlulah dicontohi oleh semua golongan agar kejayaan dapat dikecapi di masa akan datang terutamanya buat generasi-generasi muda kini.

RUJUKAN

Siti Adnon Haji Abdul Wahid, personal communication, November 2020).

Aida Hafizza Sabtu & Nurul Nabilah Ibrahim (2011) Prof. Madya Fuziah Mohd. Nadzar / Aida Hafizza Sabtu and Nurul Nabilah Ibrahim. *TINTA* (20). pp. 5-17. ISSN 0127-5100. <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/13993/>

Bahagian Komunikasi Korporat Universiti Putra Malaysia (2011). *Alumni Uitm Kongsi*

Maklumat Tingkat Sistem Pengurusan Dengan Alumni UPM.
[<https://core.ac.uk/display/43000294>](https://core.ac.uk/display/43000294)

Faculty of Information Management. (n.d). History.

<https://fim.uitm.edu.my/index.php/corporate/strength22-faculty/261-history-2>

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat. (n.d) Home.
<http://www.ftsm.ukm.my/https://www.mains.gov.my/v1/>

Jabatan Mufti Negeri Sembilan. (n.d). Home page.
<https://www.muftins.gov.my/v1/en/>

Kerajaan Negeri Sembilan. (n.d) Senarai Menteri Besar.
<https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/menteri-besar/36-menteri-besar-negeri-sembilan/26-menteri-besar>

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (n.d). Laman utama.
<https://www.mains.gov.my/v1/>

Muhamad Fahmi Shamsi & Nurul Syuhaida Azmi (2011) Profesor Dato' Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob / Muhamad Fahmi Shamsi and Nurul Syuhaida Azmi. *TINTA* (20). pp.1-4. ISSN 0127-5100.
<http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/14056/>

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. (n.d). Laman utama.
<http://nslibrary.gov.my/>

Perpustakaan Negara Malaysia. (2020) Mengenai PNM.
[https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/414,](https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/414)

Seri Andayani. (2017) Kontribusi Tokoh dalam Dunia Perpustakaan: Analisis Pemikiran G.

Edward Evans tentang Pengembangan Koleksi. *LIBRARIA*, (9)1.
<file:///C:/Users/User/Downloads/1691-3354-1-SM.pdf>

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar, & Noor Azlinda Wan Jan. (2012). Penukaran ilmu baharu melalui sejarah lisan. *Jurnal Persatuan Pustakawan Malaysia*(6).
<http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=71896>

Universiti Teknologi MARA. (2020). *Sejarah pembangunan*.
<https://www.uitm.edu.my/web/index.php/ms/kenali-uitm>

Fidlizan Muhammad, and Mohd Yahya Mohd Hussin, and Azila Abdul Razak, and Fatimah Salwa Abdul Hadi, (2014) Impak kitaran sosial dalam sumbangan alumni terhadap pendapatan endowmen universiti. *AKADEMIKA*, 84 (3). pp. 15-28. ISSN 0126-5008

Phoon, Lee Yong (2017) *Determinants of donor behavioral intention among UUM alumni*. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.

Universiti Putra Malaysia, Bahagian Komunikasi Korporat (2011) *Alumni UiTM Kongsi maklumat tingkat sistem pengurusan dengan Alumni UPM*. [UPM News]